

Pembangunan Spiritual Dalam Program Pembangunan Insan Asnaf Fakir Dan Miskin Di Lembaga Zakat Selangor: Satu Tinjauan Awal

Emie Sylviana Binti Mohd Zahid

Universiti Teknologi MARA,
emies692@johor.uitm.edu.my

Hasan Bahrom

Universiti Teknologi MARA,
drhasan@melaka.uitm.edu.my

ABSTRAK

Program Pembangunan Insan merupakan salah satu program agihan zakat yang disediakan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) kepada asnaf fakir dan miskin sebagai satu usaha untuk memenuhi kehendak spiritual dan menjadi insan yang rabbani. Terdapat pelbagai modul dan latihan yang disediakan oleh pihak LZS dalam membantu golongan asnaf fakir dan miskin tersebut. Namun apakah pendekatan pembangunan spiritual yang digunakan oleh LZS dalam program pembangunan insan bagi membangunkan spiritual asnaf? Justeru itu, satu kajian dilakukan dengan menganalisis pendekatan pembangunan spiritual yang telah diterapkan dalam agihan dana zakat asnaf fakir dan miskin di LZS. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kajian kepustakaan dan kajian lapangan dengan melakukan temubual berstruktur. Hasil tinjauan awal mendapati bahawa LZS amat menekankan soal ketakwaan kepada Allah S.W.T dan tazkiyah al-nafs melalui aktiviti Tahsinul Ibadah, Tahsinul Quran dan Program Syukur Asnaf dalam modul J.I.W.A dan modul Hijrah dibawah program pembangunan insan.

Kata Kunci: Pembangunan Spiritual, Program Pembangunan Insan, Asnaf Fakir dan Miskin, Lembaga Zakat Selangor

LATAR BELAKANG KAJIAN

Lembaga Zakat Selangor (LZS) merupakan institusi zakat yang ditubuhkan 20 tahun lalu sebagai pemegang amanah dalam mengurus dan memanfaatkan potensi kutipan zakat serta memastikan pengagihan zakat dapat dilaksanakan secara efisien, efektif dan berkesan selaras dengan tuntutan syara'.

Dengan motto "Menerajui Perubahan", LZS sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada para pelanggannya iaitu pembayar dan penerima zakat. Dalam tempoh dua dekad penubuhannya, LZS dapat meningkatkan kecemerlangannya sebagai institusi zakat yang disenangi dengan sentiasa

mempergiatkan gerak kerja dakwah bagi memastikan lebih ramai masyarakat Islam menunaikan zakat. Manakala pengagihan zakat juga turut ditambah baik secara menyeluruh dan berkesan kepada lapan asnaf yang ditetapkan dalam al-Quran.

Agihan dana zakat memainkan peranan penting dalam membantu golongan asnaf fakir dan miskin untuk keluar dari kepompong kemiskinan. Ia diagihkan secara langsung dan tidak langsung. Agihan secara langsung merujuk kepada bantuan terus berbentuk jangka pendek kepada individu atau agihan untuk memenuhi keperluan asas. Manakala agihan tidak langsung merupakan bantuan jangka panjang berbentuk program atau projek agihan wang zakat yang telah dirancang oleh institusi zakat (JAWHAR, 2007; Mujaini, 2005).

Terdapat dua bentuk agihan zakat. Pertama; agihan zakat tidak produktif iaitu bantuan sara diri yang memenuhi kepenggunaan asnaf semasa yang diagihkan kepada golongan asnaf kurang upaya seperti lanjut usia, masalah kesihatan, kecacatan dan sebagainya. Bantuan yang diberikan adalah bergantung kepada keperluan asnaf dari masa ke semasa. Kedua; agihan zakat produktif iaitu bantuan bersifat menambahkan keupayaan pengeluaran dalam usaha meningkatkan pendapatan mereka (Zakaria, 2011; Aimi Nadirah, 2010).

Buat masa kini, bantuan zakat dibahagikan kepada enam bentuk utama iaitu bantuan makanan dan sara hidup, bantuan perubatan, bantuan pendidikan, bantuan keusahawanan, bantuan keagamaan dan bantuan kecemasan (Patmawati, 2007; Azhana & Mohd Syahril, 2004).

Menjurus kepada objektif agihan zakat LZS adalah mengikut hukum syara' dengan menunaikan hak dan tanggungjawab kepada asnaf di Negeri Selangor sebagaimana yang difardhukan oleh Allah S.W.T, membangunkan taraf kehidupan golongan asnaf khususnya di negeri Selangor yang merangkumi sosial, ekonomi, pendidikan dan kerohanian, membantu melaksanakan usaha-usaha meninggikan agama Islam, mempertahankan dan mempertingkatkan martabat ummah dan melaksanakan agihan secara zat dan manfaah.

Oleh itu, agihan zakat yang disalurkan kepada asnaf fakir dan miskin di Selangor bukan sahaja dalam bentuk material semata-mata untuk mengeluarkan diri daripada kepompong kemiskinan malah dalam bentuk spiritual turut disediakan oleh LZS bagi memenuhi keperluan rohani menjadi insan yang rabbani. Hal ini dapat dilihat dibawah program pembangunan insan. Program pembangunan insan ini merupakan satu usaha yang dilakukan oleh negeri Selangor secara terfokus dengan menyediakan pelbagai aktiviti seperti siri-siri kursus, kem-kem motivasi serta program-program akademik dan keagamaan bagi membentuk jati diri asnaf dan generasi mereka. Kumpulan sasaran adalah tertumpu kepada ibu bapa dan anak-anak meliputi warga emas, ibu dan bapa tunggal, belia, pelajar

dan mahasiswa (Akhtar, 2008, Laporan Pengurusan LZS, 2010).

Tujuan dilaksanakan adalah untuk menangani isu kemiskinan dengan melihat aspek spiritual dan intelek masyarakat. Program ini dilihat dapat mengangkat martabat ummah agar bebas dari belenggu kemiskinan. Para asnaf disediakan tapak pembangunan jiwa yang subur di LZS. Mereka didedahkan kepada aspek tarbiah rohani, pengetahuan asas Islam, membaca al-Quran, memperkasa ibadah tunjang dan sebagainya. Malah didedahkan dengan pendidikan keibubapaan dan sebagainya demi menjadikan mereka lebih piawai dalam menjalani kehidupan sebagai insan rabbani (Hamizul, 2012).

PERMASALAHAN KAJIAN

Agihan dana zakat adalah bertujuan untuk menangani serta mengeluarkan asnaf fakir dan miskin daripada garis kemiskinan. Zakat juga dapat menguatkan ikatan persaudaraan dan kasih sayang apabila golongan tersebut dibantu oleh golongan berada dengan memberi bantuan kebendaan mengikut kadar yang ditetapkan oleh syarak. Hubungan ini dapat memberi kesan yang amat baik serta menyatupadukan umat manusia (al-Khin, al-Bugho dan asy-Syarbaji, 1999). Bagi al-Qardhawi (2007) amalan berzakat dalam kehidupan individu dan kehidupan sosial kemasyarakatan adalah Pertama, meliputi penyucian jiwa dari sifat kikir, menggalakkan sifat suka berinfaq atau memberi, membina akhlak seperti mentaati Allah S.W.T, mengubati hati dari cinta dunia, mengembangkan kekayaan batin dan menumbuhkan rasa simpati dan cinta sesama manusia. Ringkasnya zakat bermaksud memperkaya jiwa manusia dengan nilai-nilai spiritual dan menghilangkan sifat kebendaan dalam diri manusia. Kedua, suatu bahagian dari sistem jaminan sosial dalam Islam bagi mengatasi masalah kehidupan dan kemiskinan.

Oleh itu, menurut as Shiddieqy (1999) sikap asnaf dalam adab-adab menerima zakat perlu menggunakan bantuan yang diberikan pada jalan yang benar bukan mengkufuri nikmatnya, berterima kasih kepada pemberi zakat dengan doa dan pujian serta menerima bantuan mengikut kadar keperluan yang ditetapkan sahaja. Dikukuhkan lagi dengan kenyataan al-Ghazali untuk difahami oleh asnaf iaitu mereka perlu memahami tentang golongan yang layak menerima zakat dan menggunakan bantuan zakat mengikut keredhaan Allah, perlu bersyukur segala nikmat yang datang daripada Allah S.W.T, perlu meneliti bantuan yang diterima samada halal atau haram dan mengetahui kelayakannya untuk menerima zakat samada tergolong dalam asnaf lapan atau tidak serta memastikan jumlah yang diperuntukkan tidak terlalu banyak sehingga melampaui keperluannya (al-Qasimi, 2006).

Namun, apa yang berlaku dalam kalangan asnaf fakir dan miskin pada masa kini ialah mereka tidak sanggup digugurkan daripada kategori asnaf malah mereka selesa dengan panggilan 'asnaf' (Ahmad Shahir, 2007) dan tidak

memberi kerjasama (Zakaria dan Zahri, 2008), tidak mensyukuri dan menghargai bantuan yang diberikan, mengharapkan bantuan kewangan atau makanan bulanan semata-mata tanpa mahu berusaha mencari pendapatan walaupun mereka mempunyai tubuh yang kuat dan bertenaga. Mereka sanggup memintaminta kepada orang lain dengan mengabaikan perasaan hina dan aib dengan perlakuan sedemikian (Mohd Safri, 2004). Buktinya, daripada 250 orang yang dipantau, hanya lebih kurang 60 orang sahaja yang berjaya (Mohd Abd Wahab Fatoni, Ahmad Sufyan, Adibah Hasanah dan Norhalyani, 2008). Dalam kajian Abdul Halim, Musa, Mujaini, Hasan dan Shawal (2004) mendapati seramai 11 orang asnaf yang menerima wang zakat melebihi 20 tahun. Kebanyakan mereka yang menerima adalah orang yang sama, walaupun sudah ada usaha untuk membantu meningkatkan pendapatan mereka.

Berdasarkan permasalahan tersebut, satu kajian harus dilakukan dengan memfokuskan kepada pembangunan spiritual dalam agihan dana zakat asnaf fakir dan miskin kerana penentuan kepada kejayaan paling utama adalah dari faktor sifat dalaman atau nilai spiritual diri masing-masing yang perlu dibentuk (Aimi Nadirah, 2010). Hal ini turut dinyatakan juga oleh Arniadi (2009) dan Mila Sartika (2008) dalam kajian mereka.

PERSOALAN KAJIAN

i. Apakah pendekatan pembangunan spiritual yang digunakan oleh LZS dalam program pembangunan insan bagi menangani isu asnaf fakir dan miskin tersebut?

OBJEKTIF KAJIAN

Bagi menjawab persoalan kajian, objektif kajian ini adalah

- i. Mengenal pasti kewujudan aktiviti pembangunan spiritual yang telah diterapkan dalam program pembangunan insan asnaf fakir dan miskin.
- ii. Menganalisis pendekatan pembangunan spiritual yang digunakan oleh LZS dalam program pembangunan insan asnaf fakir dan miskin.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan menerusi kaedah kualitatif yang menggunakan dua sumber iaitu primer dan sekunder bagi menganalisis data. Sumber primer adalah merujuk kepada program pembangunan insan. Bagi memahami dengan lebih lanjut, temu bual bersama Eksekutif Zakat di Lembaga Zakat Selangor dilaksanakan. Manakala sumber sekunder merujuk kepada bahan kajian seperti jurnal, buku, dan prosiding sedia ada yang membincangkan mengenai pembangunan spiritual berdasarkan perspektif Islam. Analisis data adalah menggunakan metodologi analisis deskriptif iaitu menjelaskan gambaran umum kepada khusus mengenai

pendekatan pembangunan spiritual yang digunakan oleh LZS dalam program pembangunan insan asnaf fakir dan miskin.

TINJAUAN LITERATUR

Definisi Pembangunan Spiritual

Pembangunan spiritual merupakan salah satu cabang dari pembangunan Islam. Ia adalah aspek non jasad manusia yang sukar dilihat, dipegang dan diamati dengan mata kasar manusia (Mostafa, 2000). Dalam Kamus Dewan (2005) istilah spiritual sinonim dengan istilah rohani yang memberi maksud jiwa (bukan bersifat fizikal), rohaniah. Manakala dalam bahasa Arab, spiritual atau rohani ini adalah terjemahan dari perkataan ruhani yang bermaksud “spiritual of that which is of the spirit (ruh)” (Armstrong, 1995). Perkataan rohani sering dikaitkan dengan hati, qalbu, jiwa, mental, fikiran dan sebagainya yang mewujudkan satu unsur manusia yang paling unik tanpa boleh dilihat oleh pancaindera. Rohani ialah bahagian dalaman manusia yang berperasaan dan berkemahuan (Arbak, 2005) yang dibangsakan kepada semangat atau roh atau semangat diri yang batin (Md. Said, 2002).

Namun Menurut H.M.Aji Nugroho (2011) menyatakan dalam kajian beliau bahawa spiritual di dalam al-Quran disebut sebagai al-nafs. Dari sudut bahasa, makna perkataan al-nafs diungkapkan dalam al-Quran seperti surah al-Imran:185, al-Anbiya: 35, surah al-Ankabut: 57, al-Maidah: 5 yang memberi maksud “Nyawa atau Ruh”, al-Baqarah: 281, al-Fajr: 27-30 memberi maksud “Diri atau Jiwa”, surah Yusuf: 77 memberi maksud “Hati” dan Surah al-Zumar: 56 memberi makna “Manusia”. Kesimpulannya spiritual memberi maksud nyawa, ruh, diri, jiwa, hati dan manusia.

Menurut al-Kindi (874M), Ibn Miskawaih (1966), al-Ghazali (1987), Said Hawwa (1999), Sayid Sabiq (1991) pembangunan spiritual adalah menyentuh persoalan dalaman dan kejiwaan manusia yang terdiri daripada empat unsur iaitu al-ruh, al-qalb, al-aql dan al-nafs. Namun keempat-empat unsur ini sangat difokuskan dalam disiplin spiritual al-Ghazali kerana jika diteliti secara mendalam, hati, roh, nafsu dan akal dengan makna rohani, merupakan ‘al-latifah’ atau hakikat diri manusia yang halus, yang dapat mengerti perintah-perintah syara’, dapat merasai kekuasaan Allah (S.W.T.), dapat mengetahui dan memahami hakikat sesuatu. Begitu juga dengan kajian daripada Mohd Nakhaie (1998), Muhammad Syukri (2002), Mustofa Kamal (2008), Baharuddin (2004), Askar (2006) & Yusnita (t.th) turut menyebut tentang empat unsur tersebut. Namun bagi Yusnita, terdapat penambahan komponen spiritual iaitu bashirah, syahwat dan hawa.

Al-ruh adalah ‘Latifah’ yang dengannya manusia dapat memahami dan mengerti, ia sesuatu yang menakjubkan yang datang daripada Tuhan dan tidak

mampu segala akal untuk memahami hakikatnya. Membentuk personaliti diri, roh pada asalnya memerlukan kepada mujahadah dan perlu diikuti jalannya yang sudah digariskan sendiri untuk mengembalikan roh pada asalnya adalah dengan memiliki ilmu yang sahih, bergaul dengan ahli ilmu dan zikir pada Allah S.W.T. Ilmu yang sahih yang perlu diketahui ialah ilmu tentang sifat-sifat Allah S.W.T yang maha sempurna dan ilmu tentang melakukan ibadah dengan ikhlas pada Allah.

Al-qalb ialah hati. Terdapat tiga jenis hati yang membentuk personaliti yang berbeza: (1) Hati qalibun: Belum kukuh dengan tuntutan agama dan memerlukan akal untuk memandu ia bertindak; (2) Hati faadun: Hati individu yang sudah ada keyakinan terhadap risalah Allah S.W.T; dan (3) Hati lubbun: Hati yang kukuh dapat melahirkan cetusan hati yang rasional dan ikhlas untuk membimbing akal. Al-aql merupakan anugerah Allah S.W.T kepada manusia, kerana keupayaan intelek yang membolehkan manusia berfikir secara rasional. Terdapat tiga jenis akal yang membentuk personaliti berbeza: (1) Akal biasa: Percaya pada apa yang dilihat dan menolak perkara yang abstrak; (2) Akal taakul: Menganalisis berdasarkan sebab-musabab, jenis akal yang sederhana; dan (3) Akal tadabbur: Berfikir secara ikhlas dan rasional berpandukan kekuatan iman dan akal.

Al-nafs atau jiwa ini merupakan suatu hasrat yang mencetuskan nilai-nilai kekuatan pada diri seseorang insan bagi mencapai naluri kemahuannya. Terdapat nafsu-nafsu (tabii keinginan) ini yang membentuk personaliti berbeza: (1) Nafsu amarah: Individu yang melakukan sifat-sifat yang jahat dan rosak; (2) Nafsu mutmainnah: Dapat menahan keinginan nafsu syahwat dan mencapai ketenangan; (3) Nafsu mardiah: Individu yang lemah-lembut dalam tutur kata, menerima kehendak dan ketentuan Allah S.W.T dan bersyukur, serta merasa puas dengan apa yang ada; serta (4) Nafsu kamilah: Hanya diperoleh oleh para Rasul yang mempunyai sifat kesempurnaan.

Pembangunan spiritual dikatakan lebih kepada pembangunan jiwa dan roh manusia untuk melahirkan perlakuan yang mulia bersesuaian dengan nilai-nilai murni dan terpuji yang telah ditentukan oleh Allah S.W.T kepada manusia agar mendapat keredhaan Allah di dunia dan kerahmatan serta kejayaan di akhirat (Mostafa Kamal, 2003). Kepentingan pembangunan spiritual turut ditekankan dalam ayat-ayat al-Quran melalui Surah al-Ra'd: 28;

Firman Allah S.W.T

Maksudnya: "Orang yang Beriman, dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingati Allah. Ketahuilah, Dengan mengingati Allah, hati menjadi tenteram."

Ayat ini menunjukkan potensi spiritual manusia merujuk kepada hati. Hati memiliki pengendalian diri untuk mengetahui antara benar dan salah. Hati bersih

sentiasa hidup aman, tenteram dan damai kerana mengikut perintah Allah S.W.T berbeza dengan hati yang tercemar, manusia akan sesat dan jauh dari jalan kebenaran.

Pembangunan spiritual merupakan aspek dalaman manusia yang menjadi asas kepada semua tindakan dan tingkah laku manusia, mengawal diri dari terjebak ke dalam perkara negatif serta nilai Allah S.W.T sama ada manusia dapat membersihkan dan meningkatkan martabatnya ke tahap yang lebih tinggi. Kepentingan pembangunan spiritual turut dinyatakan oleh Hasan al-Banna (t.th) dalam buku beliau "Himpunan Risalah" bahawa spiritual merupakan kebangkitan sesuatu bangsa dan asas kepada perubahan ummah. Ia juga menjadi teras kepada pembentukan kualiti Muslim secara keseluruhannya dari aspek Iman, Ilmu, Takwa, Istiqamah, Ikhlas dan sebagainya malah memelihara hati dari dorongan kejahatan malah membantu mencapai kebenaran membentuk sifat-sifat terpuji (Mohd Nakhaie, 1998), ia juga dapat menyelesaikan masalah dan mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat (al-sa'adah) (Salasiah, 2008).

Terdapat beberapa kajian terdahulu menyatakan kepentingan pembangunan spiritual dalam kehidupan manusia seperti kajian Alamsyah (2013) pembangunan spiritual sebagai bentuk sokongan zakat produktif di Aceh dalam memperbaiki moral dan keimanan individu asnaf bagi mengurangkan kemiskinan. Kajian Salasiah (2010) di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Islam (PK MAINS) yang menggunakan pendekatan al-Ghazali khususnya mengenai tazkiyah al-nafs mendapati bahawa hubungan yang signifikan antara bimbingan spiritual al-Ghazali dengan keberkesanan kaunseling di PK MAINS dalam mempertingkatkan keberkesanan perkhidmatan kaunseling dan menambah kecekapan dan profesionalisme kaunselor. Kajian Mohammad Shatar (2005) tentang pengukuhan spiritual dapat menyumbang kepada pembelajaran berkesan. Kajian Rohana et.al (2010) yang membangunkan model konseptual proses pembangunan potensi spiritual melalui pendidikan. Kajian Salasiah et.al (2012) mengaitkan amalan spiritual dengan pencapaian akademik pelajar terutama pelajar Islam. Hasil kajian mendapati bahawa amalan spiritual signifikan dengan pencapaian akademik pelajar. Amalan spiritual merupakan kebergantungan para pelajar dengan Allah S.W.T dalam usaha untuk mencapai kejayaan. Kajian Khairani (2012) mendapati bahawa spiritual turut membantu dalam pembangunan akhlak remaja menurut al-Ghazali. Begitu juga dengan pendapat Revell (2008); Buchanan (2009); Campbell (2010) menyatakan pentingnya penekanan spiritual dalam pendidikan.

Kajian Yuseri, Sapora & Marina Munira (t.th) turut menjadikan amalan spiritual sebagai satu pendekatan dalam menangani gejala dadah. Kajian Salasiah et.al (2014) menangani masalah histeria menggunakan pendekatan spiritual seperti berwudu', berzikir, membaca al-Quran, mengamalkan ayat-ayat

pendinding diri, azan, bersabar ketika menghadapi tekanan dan mengerjakan qiyamullail sebagai kaedah bagi menghindari histeria daripada berlaku kepada diri.

Berdasarkan dengan kajian yang telah dilakukan jelas menunjukkan bahawa terdapat penerapan pembangunan spiritual dalam pelbagai bidang sama ada pendidikan, ekonomi, sosial, kerjaya dan lain-lain memberi kesan positif dalam kehidupan masyarakat Islam.

Manakala pendekatan yang digunakan dalam pembangunan spiritual yang dikenal pasti oleh pengkaji merujuk kepada kajian terdahulu ialah mujahadah al-nafs atau al-takhalli dan al-riyadah al-nafs atau tahalli yang dibahaskan oleh al-Ghazali (1987), Said Hawwa (1998), Falimbani (1935), Samsul Munir (2012), Pahrol (2013), Basri, Mohd Safri dan Ahmad Tarmizi (2013).

Mujahadah al-nafs merupakan salah satu daripada proses tazkiyah al-nafs untuk menghapuskan segala sifat-sifat mazmumah yang terhasil daripada hasutan syaitan (al-Ghazali, 2000). Ia juga mempunyai persamaa dengan maksud al-takhalli. Manakala riyadah al-nafs ialah salah satu daripada proses tazkiyah al-nafs untuk menuju ke arah kebaikan sehingga dapat menghiasi hati dengan sifat mahmudah (al-Ghazali, 2000). Kaedah ini mempunyai persamaan dengan proses al-tahalli yang bermaksud menghiasi batin dan mengindahkannya dengan kebaikan (al-fadilah) untuk menghampirkan diri kepada Allah (al-Ghazali, 2000). Di dalam riyadah al-nafs (al-tahalli) menurut al-Ghazali dibahagikan kepada beberapa aspek iaitu memantapkan keimanan, mempertingkatkan ibadah dan mengamalkan sifat-sifat mahmudah.

Berkenaan soal tingkatan spiritual pula berdasarkan urutan maqam seperti taubat, sabar, syukur, khauf, raja', tawakal, mahabbah, redha, ikhlas, muhasabah dan muraqabah (Samsul Munir, 2012). Manakala tahap maqam yang dijalani oleh kaum sufi umumnya terdiri atas taubat, zuhud, fakir, sabar, syukur, redha dan tawakkal (Rosihon,2000).

Hasil dari pembacaan pengkaji, pengkaji dapat rumuskan sebagaimana dalam jadual 1 mengenai pendekatan, tingkatan dan amalan spiritual menurut perspektif Islam.

Jadual 1: Pendekatan, Tingkatan dan Amalan Spiritual Menurut Islam

Tokoh	Pendekatan	Tingkatan Spiritual	Amalan
Al-Ghazali (1987) Ihya Uloomuddin	1. Tazkiyyah al-Nafs - Mujahadah al-Nafs (al-Takhalli) - Riyadah al-Nafs (al-Tahalli) 2. Muraqabahullah	Taubat Sabar Syukur Khauf Raja' Tawakal Mahabbah	Redha Ikhlas Muhasabah Muraqabah
Said Hawwa (1998) Al-Mustakhsel fi Tazkiyah al-Anfus	1. Tazkiyah al-Nafs	Tawhid Ikhlas Sabar Syukur Cemas Harap Santun	Takut Akhik Ubudiyah Jujur
Falimbani (1935) Dalam kajian Shohana (t.th)	1. Tazkiyah al-Nafs - Mujahadah al-Nafs - Riyadah al-Nafs	Taubat Khauf Zuhud Sabar Syukur	Ikhlas Tawakal Mahabbah Redha Ingat Mati
Samsul Muhr Amin (2012)	Takhalli Tahalli Tajalli	Taubat Mujahadah Khalwat Uzlah Takwa	Wara Zuhud Berjaga Malam Khauf Raja'
Fahrol (2013)	Takhalli (tahap mengosongkan hati daripada sifat mazmumah) Tahalli (sifat mazmumah dibuang dan semai sifat mahmudah) Tajalli (pemyataan atau keserlahan)- terbuka hjer melihat tanda-tanda kebesaran Allah	Tawhid Taubat Zuhud Mencintai Allah Wara Sabar Fakir Syuku Redha Tawakkal Qanaah	Amalan Takhalli (menghayati bentuk akhlak dan ibadah, muhasabah diri, riyadah dan mujahadah) Tahalli (Ditah dan dinalati hati dengan sifat-sifat terpuji dan sifat-sifat ketuhanan) Tajalli (Hati bebas dari terhalang seperti tajalli a-hafal, tajalli al-asma, tajalli as-sifat dan tajalli dzat)
Basri, Mohd Saifi & Ahmad Tamizi (2013)	Tazkiyyah al-Nafs	Ikhlas Tauhid Tawakal Taubat Muraqabah Muhasabah Mujahadah	Merangkumi akhlak, syariat dan akhlak. Mengukuhkan tauhid Pegang teguh kepada al-Quran dan as-sunnah Beriman Gada dan Gadar Beriman Hari Akhirat Menuntut Ilmu Amar Ma'ruf Nahi Mungkar Berkahwin Amalan-amalan Sunat Membaca Al-Quran Zikir Doa Selawat Qiyam al-Lail Bersahabat dengan Orang Soleh

PROGRAM PEMBANGUNAN INSAN

Di negeri Selangor, Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah menyusun lima program pembangunan agihan utama iaitu; Pertama, program pembangunan ekonomi; Kedua, program pembangunan pendidikan; Ketiga, program pembangunan sosial; Keempat, program pembangunan insan dan Kelima, program pembangunan institusi agama (Laporan Pengurusan LZS, 2005; Ahmad Shahir, 2011). Salah satu program pembangunan asnaf yang menekankan soal aktiviti pembangunan spiritual adalah pembangunan insan. Menurut Mohd Sabri

(2008) objektif pembangunan insan yang digariskan oleh LZS adalah seperti berikut

- (a) Membangunkan insan pada peringkat semua lapisan umur yang boleh melahirkan golongan dasar yang berkeyakinan diri, berdaya usaha dan berlimu.
- (b) Memberi latihan kemahiran dan pengembangan ilmu atau teknologi dalam bidang-bidang perkembangan teknologi.
- (c) Mempertingkatkan pakej pendidikan yang boleh mendorong pembelajaran dan perkembangan minda yang sihat untuk anak-anak dalam umur bersekolah.
- (d) Menyalurkan peluang kerjaya atau projek ekonomi yang boleh mempertingkatkan pendapatan kepada kumpulan umur yang boleh bekerja.
- (e) Mendidik insan ke arah pentingnya penghayatan tuntutan agama dalam kehidupan bagi mewujudkan masyarakat yang seimbang dari segi ekonomi, rohani duniawi dan ukhrawi.

Kesimpulannya, program ini dibangunkan untuk kekuatan diri dan mentaliti asnaf mampu mengubah diri dalam meneruskan kelangsungan hidup serta melahirkan golongan asnaf yang berkeyakinan, berdaya saing, berkemahiran, berilmu dan beriman. Malah diadakan khusus untuk membentuk diri umat Islam yang seimbang di dunia dan akhirat.

Membangun insan bukanlah satu perkara yang mudah, bahkan menjadi cabaran bagi LZS untuk memastikan ia benar-benar dilaksanakan. Bak kata Matan Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi, "Modal Insan yang berkualiti adalah satu kemestian, bukan lagi satu kemewahan." Maka amat wajar dan bertepatan sekali dengan agenda LZS dalam membasmi kemiskinan melalui pembangunan modal insan yang telah dilaksanakan sejak tahun 2000 lagi.

Oleh itu, program pembangunan insan ini dirangka demi mengislahkan aspek spiritual asnaf meliputi motivasi, sikap dan kekeluargaan dengan penekanan menerusi kursus-kursus kerohanian, tahsinul ibadah, tahsinul qiraat, kursus keibubapaan dan sebagainya (Akhtar Sahari, 2008; Hamizul, 2011). Kumpulan sasar pula bukan hanya tertumpu kepada ibu bapa dan anak-anak, malah meliputi ibu dan bapa tunggal.

ANALISIS TINJAUAN LITERATUR

Pendekatan yang digunakan oleh LZS dalam usaha membangunkan asnaf fakir dan miskin ini, LZS telah memperkenalkan modul J.I.W.A pada tahun 2004 dengan menitik beratkan soal jati diri, ilmu, wawasan dan aqidah dalam

menerapkan nilai-nilai pembangunan insan asnaf fakir dan miskin. Modul J.I.W.A ini dikatakan meliputi aspek pembangunan ekonomi dan material sehingga kepada pembangunan spiritual. Maka lahir masyarakat yang mempunyai jati diri yang tinggi, hidup bermatlamat serta penghayatan hidup yang sempurna daripada iman dan amal (Akhtar, 2004).

Enam objektif telah digariskan dalam merealisasikan modul J.I.W.A ini iaitu Pertama, membangunkan insan untuk semua lapisan umur yang boleh melahirkan masyarakat berkeyakinan diri, berilmu, berwawasan dan berpegang kuat kepada agama Islam. Kedua, mewujudkan insan yang perkasajati dirinya dalam menempuh kehidupan. Ketiga, mendidik insan ke arah pentingnya penghayatan tuntutan agama dalam kehidupan agar seimbang dari segi duniawi dan ukhrawi. Keempat, mempertingkatkan pakej pendidikan yang boleh mendorong pembelajaran dan perkembangan minda yang sihat bagi anak-anak asnaf. Kelima, memberi latihan kemahiran dan pengembangan ilmu atau teknologi dalam bidang-bidang yang berkaitan. Keenam, membentuk insan berwawasan dan menyalurkan peluang kerjaya atau projek ekonomi yang dapat mempertingkatkan pendapatan asnaf (Akhtar, 2004).

Modul J.I.W.A meliputi Program Pembangunan Keluarga, Pembangunan Belia Proaktif, Pembangunan Ibu Bapa Tunggal, Pembangunan Pelajar, Pembangunan Remaja Serta Tahsinul Ibadah Bagi Warga Emas. Selain itu terdapat sembilan lagi program khas yang menyokong objektif pendekatan ini iaitu Program Tahsinul Ibadah/Qira'at, Program Kecemerlangan Pelajar UPSR, PMR, SPM, Program Remaja Cemerlang Generasi Gemilang, Program Keluarga Bahagia Anak Cemerlang, Program Keusahawanan Asnaf, Program Syukur Asnaf, Program Hijrahku, Program Projek Selangor Gemilang dan Program BUDI (Akhtar, 2004).

Menurut Sabri (2004) peserta adalah terdiri daripada penerima makanan bulanan dan kewangan bulanan. Ia bertujuan membantu golongan asnaf tersebut memotivasikan diri mereka agar menjadi insan yang tahu, mahu dan mampu menghargai kebaikan. Seperti program syukur asnaf dimana program tersebut dapat mengubah minda mereka daripada hidup mengharap belas ihsan kepada sifat qanaah, menanam rasa syukur dengan apa yang ada seterusnya mendidik bagaimana bersyukur selaras dengan modul J.I.W.A yang diperkenalkan ini.

LZS telah merangka dan merumuskan "J.I.W.A" bagi membangun nilai keinsanan asnaf fakir dan miskin ini atas dasar berpaksikan kepada hadis riwayat Bukhari iaitu

Rasulullah s.a.w bersabda: "Bukanlah kekayaan itu disebabkan seseorang mempunyai banyak harta tetapi kekayaan yang sebenar ialah kekayaan jiwa (diri)."

Ini menunjukkan bahawa aspek material tidak dapat mengkayakan asnaf tetapi aspek dalaman insan itu sendiri yang menjadi sasaran utama untuk dibentuk dan dibangunkan.

Kesinambungan modul tersebut diteruskan dalam satu modul yang dinamakan Modul Hijrah. Bermatlamatkan ke arah perubahan dari aspek pengetahuan, sikap dan amalan agar mereka tidak lagi menjadi golongan yang bergantung kepada bantuan zakat semata-mata malahan mampu berdikari melalui latihan kepada golongan asnaf (Ahmad Shahir, 2011; Shamsudin, 2008). Tanpa kesungguhan dan kesediaan untuk berhijrah, keadaan seseorang itu tidak akan berubah malah kesejahteraan keluarga boleh tergugat dan seterusnya merencatkan kemajuan masyarakat (Ahmad Shahir, 2011).

Akademi Zakat Selangor (AZAS) merupakan suatu entiti bertaraf jabatan di bawah LZS telah ditubuhkan dan diberi amanah membangunkan modal insan para asnaf di LZS.

Pelbagai program diwujudkan demi memperkasakan golongan asnaf fakir dan miskin melalui kursus dan kemahiran.

Program Modul Hijrah dirangka untuk memberi fokus untuk memupuk semangat serta menjana anjakan positif yang berterusan selain meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk melakukan perubahan serta meningkatkan amalan kerohanian sebagai tunggak pengislahan diri. Modul yang disediakan ialah modul hijrah ilmu, modul hijrah institusi dan modul hijrah bina insan.

Modul Hijrah Ilmu terdiri daripada Kursus Pintar Belajar (KPB)-Tahap 1, Kursus Cemerlang Peperiksaan (KCP) Tahap 2, Kursus Cemerlang Skor A (Khidmat Guru Pakar) dan Kursus ad-Dirosah (Mentor-Mentee).

Modul Hijrah Institusi pula terdiri daripada Kursus Belia Ashab al-Ukhduh dan Program Remaja Belia Perdana (PreBP).

Modul Hijrah Bina Insan adalah terdiri daripada Kursus Hijrahku, Kursus Kesempurnaan Ibadah (K-Ibad), Kursus Mawaddah, Kursus Keluarga Saadah, Rahsia Potensi Diri, Tahsinul Ibadah dan Tahsinul Quran.

Terdapat aktiviti di bawah program pembangunan insan yang telah dibentuk sebagaimana jadual 2.

Jadual 2: Aktiviti/ Program Modul Hijrah
Modul Hijrah Ilmu

Modul Hijrah Ilmu	
Kursus Pintar Belajar (KPB) Tahap 1	Mengenal diri daripada aspek personality dan minat kerjaya dengan lebih jelas. Bermotivasi untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran. Meningkat kemahiran belajar.
Kursus Cemerlang Peperiksaan (KCP) Tahap 2	Mendapat tips menghadapi peperiksaan umum. Mempelajari teknik memahami dan menjawab soalan mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Memahami format baru kaedah pengujian dan penilaian bagi peperiksaan kertas Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains.
Kursus Cemerlang Skor A (Khidmat Guru Pakar)	Mengulang (aj) lima subjek mata pelajaran penting (Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains, Matematik dan Sejarah) Tumpuan kepada pelajar yang telah mengikuti Kursus Kecemerlangan Peperiksaan Tahap 2 dan berpotensi untuk mencapai keputusan cemerlang.
Kursus Ad-Dirosoh (Mentor-Mentee)	Melibatkan pelajar tingkatan dua dan empat Mewujudkan kumpulan-kumpulan kecil di antara para pelajar sebagai tempat rujukan sesama sendiri dengan bimbingan pihak konsultan.
Modul Hijrah Institusi	
Kursus Bella Achaab al-Ukhud	Mengenal diri dengan lebih mendalam sebagai bella yang berpotensi dan proaktif. Mendapat kefahaman dan kesedaran bahawa setiap individu mempunyai pilihan untuk mengubah kehidupan dan keadaan sekeliling Mengenal lebih dekat rakan-rakan sesama kursus dan seterusnya mengeratkan lagi ukhwwah Islamiah Menggunkan (aj) diri, semua daya yang dimiliki, daya juang dan kreativiti dengan sebaliknya dalam usaha untuk berjaya di dunia dan di akhirat. Merangka dan mempunyai perancangan hala tuju masa hadapan yang cemerlang dalam kehidupan.
Modul Hijrah Bina Insan	
Kursus Hijrahku	Mencetus kesedaran untuk berubah daripada meminta kepada memberi melalui pendekatan dari dalam ke luar (Inside-Out). Melahirkan sifat mandiri agar boleh bekerja dibawah pengawasan yang minimum. Menanam tabiat cemerlang dalam semua aspek kehidupan ke arah perubahan yang menyeluruh.
Kursus Kesempurnaan Ibadah (K-Ibad)	Memahami dan memantapkan aqidah Islamiyah di dalam diri. Memahami konsep dan tatacara beribadah yang sempurna. Mengamali akhlak Islamiyah ke arah membentuk peribadi mulia. Menilai tahap pengetahuan dan kefahaman fardhu ain.
Kursus Mawaddah	Melibatkan ketua keluarga dan anak. Terdiri daripada para peserta yang menghadiri kursus Hijrahku dan K-Ibad.
Kursus Keluarga Saadah	Mengenal semula hakikat diri yang merupakan ibu-bapa kepada anak-anak. Memantapkan kaedah pendidikan anak-anak. Mempelajari undang-undang yang berkaitan kekeluargaan. Menjadi pengurus rumah tangga yang lebih cekap dan efektif.
Rahsia Potensi Diri	Menghasilkan satu personal profiling yang dapat mengkuatkuatkan kekuatan, kelemahan dan potensi seseorang manusia. Dengan adanya formula untuk mengenal manusia ini dapat membantu menyelesaikan masalah kemanusiaan seperti masalah rumah tangga, sosial, pendidikan anak dan sebagainya.
Tahcinul Ibadah	Terdiri daripada peserta junior dan senior warga emas yang berusia 50 tahun atau lebih. Program ini diadakan seminggu sekali di masjid dengan penekanan ilmu tauhid, ibadah, fekah dan muamalat.
Tahcinul Quran	Melahirkan warga esnaf celik al-Quran.

Pengisian banyak dipenuhi dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan juga pengisian spiritual untuk pembentukan rohani. Ia meliputi pembangunan diri yang seimbang dari aspek jasmani, spiritual dan fizikal demi membentuk kekuatan dalaman para asnaf di samping membentuk semangat serta menjana anjakan positif yang berterusan.

Namun, program berbentuk pembangunan spiritual yang dikenali pasti oleh pengkaji adalah Kursus Hijrahku, Kursus Kesempurnaan Ibadah (K-Ibad), Tahsinul Ibadah dan Tahsinul Quran dibawah Modul Hijrah Bina Insan. Kursus-kursus tersebut dijalankan bagi mendidik jiwa asnaf agar peka dengan pengisian agama seperti mempelajari solat, ibadah, aqidah, fekah, muamalat dan membaca al-Quran. Selain itu, program Syukur Asnaf dibawah modul J.I.W.A dilaksanakan bagi mengubah minda asnaf dari hidup mengharap belas ihsan kepada sifat qanaah, menanam rasa syukur dengan apa yang ada seterusnya mendidik bagaimana bersyukur.

Pengkaji juga mendapati setiap aktiviti yang dilakukan mengikut pendekatan pembangunan spiritual merujuk kepada penulisan dan kajian terdahulu. Pengkaji mencerakinkan pendekatan pembangunan spiritual secara umum sebagaimana berikut

(a) Ketakwaan kepada Allah S.W.T apabila LZS amat menekankan soal aqidah dalam kalangan asnaf. Pendekatan ini diterapkan dalam aktiviti Kursus Kesempurnaan Ibadah (K-Ibad) dan Tahsinul Ibadah. Tahsinul Ibadah adalah program kewajipan yang perlu dihadiri oleh para asnaf fakir dan miskin.

(b) Tazkiyah al-Nafs. Penyucian jiwa dilakukan melalui Takhalli (Tahap mengosongkan hati daripada sifat mazmumah) dan Tahalli (sifat mazmumah dibuang dan semai sifat mahmudah). Amalan Takhalli (menghayati bentuk akidah dan ibadah, muhasabah diri, riyadah dan mujahadah) Tahalli (Diisi dan disinari hati dengan sifat-sifat terpuji dan sifat-sifat ketuhanan. Hal ini wujud dalam Kursus Hijrahku, Kursus Kesempurnaan Ibadah (K-Ibad), Tahsinul Quran dan Program Syukur Asnaf.

KESIMPULAN

Lembaga Zakat Selangor bukan sahaja memenuhi keperluan asnaf dari aspek material semata-mata malah aspek spiritual asnaf turut dipenuhi. Hasil tinjauan awal, pengkaji mendapati bahawa pendekatan pembangunan spiritual wujud dalam pembangunan insan asnaf fakir dan miskin dengan menekankan soal ketakwaan kepada Allah S.W.T dan tazkiyah al-nafs dengan cara takhalli dan tahalli. Usaha yang dilakukan oleh LZS ini bukan sahaja dapat melahirkan golongan asnaf berkeyakinan, berdaya saing, berilmu malah beriman dan kaya jiwa mereka sebagaimana yang berlaku pada masyarakat Islam di zaman pemerintahan khalifah Umar Abd.Aziz.

RUJUKAN

- Abdul Halim Mohd Noor, Musa Ahmad, Mujaini Tarimin, Hasan Bahrom & Shawal Kaslam. (2004). Kajian Keberkesanan Pengurusan Agihan Dana Zakat di Malaysia. Laporan Penyelidikan yang tidak diterbitkan, Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan (IRDC), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.
- Ahmad Shahir Makhtar. (2011). Cabaran dan Transformasi Agihan Zakat Dalam Pembasmian Kemiskinan. Dalam Muhammad Syukri Salleh, Mohamad Salleh Abdullah dan Zahri Hamat (pnyt.). Transformasi Zakat Daripada Zakat Saradiri Kepada Zakat Produktif. (hlm. 47-78). Pulau Pinang: Pusat Urus Zakat, MAINPP dan Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia.
- Ahmad Shahir Makhtar. (2007). Paradigma Pengurusan Institusi Zakat: Pengalaman Lembaga Zakat Selangor (MAIS). Kertas Kerja Persidangan Cukai & Zakat Kebangsaan. 23 Mei 2007. PWTC, Kuala Lumpur.
- Aimi Nadirah Mohd Nadir. (2010). Bantuan Zakat Produktif Kepada Asnaf Fakir dan Miskin di Lembaga Zakat Selangor (LZS): Satu Tinjauan. e-prosiding INGRAW Workshop. Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Alamsyah Alwi. (2013). Potensi Zakat Produktif Dalam Menangani Masalah Kemiskinan Di Aceh. e-proceeding 8th ISDEV International Graduate Workshop (INGRAW 2013). 30-31 Oktober 2013. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Al-Falimbani, Abdul Samad. (1935). Hidayah al-Salikin, Pulau Pinang: Maktabah wa Matba`ah Dar al-Ma`arif.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (1987). al-Maqsd al-Asna fi Sharh Ma`ani Asma' Allah al-Husna, Bassam `Abd Wahhab al-Jabi (ed.) Limassol: al-Jaffan wa al-Jabi.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad (2000). Ihya' `Ulum al-Din. Dalam Abdul Rahim Bin al-Husain al-`Iraqi (pnyt.). al-Qahirah: Dar al-Taqwa li al-Turath.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (1991). Mukashafah al-Qulub. Bayrut: Dar al-Jayl.
- Al-Kindi. (2005). Nor Saleha Mohd Salleh (penterjemah). Risalah fi'l hila li-daf'al-

- Al-Khin, Mustofa, al-Bugho, Mustofa & Asy-Syarbaji, Ali. (1999). *Fiqh al-Manhaji fi Mazhab Imam al-Syafie*. Juanda Bin Yahya (terj.). Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Al-Qaradawi, Yusof. (2007). *Hukum Zakah*. Salman Harun, Didin Hafidhuddin & Hasanuddin, (terj.) Bogor: Pustaka Litera AntarNusa.
- Al-Qasimi, Muhammad Jamaluddin. (2006). *Intipati Ihya' 'Ulumuddin Pengajaran Bagi Orang-Orang Mukmin Imam al-Ghazali*. Panel Penterjemah (terj). cet.1. Kuala Lumpur: Darul Fajr.
- Akhtar Sahari. (2008). *Pembangunan Insan Bangunkan Jiwa Asnaf*. Asnaf, Bil 1/2008, 4.
- Akhtar Sahari. (2004, Mei). *JIWA Formula PZS Rawat Masalah Kemiskinan*. Asnaf, 6-7
- Arbak Othman. (2005). *Kamus Komprehensif Bahasa Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Armiadi Musa Basyah (2009). *Pentadbiran Zakat Di Baitul Mal Aceh: Kajian Terhadap Agihan Zakat Bagi Permodalan Masyarakat Miskin*. Tesis Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Armstrong, Amatullah. (1995). *Sufi Terminology (al-Qamus al-Sufi): The Mystical Language*. Kuala Lumpur: A.S, Noordeen. 199.
- Ash Shiddieqy, Tengku Muhammad Hasbi. (1999). *Pedoman Zakat*. Cet.3. Semarang: PT.Pustaka Rizki Putra.
- Askar. (2006). *Potensi dan Kekuatan Kecerdasan Pada Manusia (IQ,EQ,SQ) Dan Kaitannya dengan Wahyu*. *Jurnal Hunafa* Vol.3 No.3, September 2006, 215-230.
- Azhana Abdul Mutalib & Mohamed Syahril Hj Zainol. (2004). *Keciciran Fakir Miskin Punca dan Menanganinya*. Asnaf. Bil 2/2004, 4-5.
- Baharuddin. (2004). *Paradigma Psikologi Islami; Studi Tentang Elemen Psikologi dari Al-Quran*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Basri Ibrahim, Mohd Safri Ali & Ahmad Tarmizi Taha. (2013). *Pembersihan Jiwa Menurut al-Quran, al-Sunnah & Amalan Salafus Soleh*. Cet.1. Selangor: Al-Hidayah House of Publishers Sdn.Bhd.

- Buchanan, M., & Hyde, B. (2008). Learning beyond the Surface: Engaging the Cognitive, Affective and Spiritual Dimensions within the Curriculum. *International Journal of Children's Spirituality*, 13(4). 309-320.
- Campbell, Karen, P. (2010). *Transformative Learning and Spirituality: A Heuristic Inquiry into the Experience of Spiritual Learning*. Tesis Doktor Falsafah. Capella University.
- Hamizul Abdul Hamid. (2012). Realiti Agihan Zakat Selangor. *Solusi.Isu No.50*, 20-24.
- H.M. Aji Nugroho. (2011). *Konsep Jiwa Dalam Al-Quran. Solusi Qurani Untuk Penciptaan Kesehatan Jiwa Dan Implikasinya Terhadap Pendidikan Islam*. Tesis. Program Pascasarjana Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta. Indonesia.
- Hasan al-Banna. (t.th). *Himpunan Risalah*.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji. (2007). *Manual Agihan Zakat*. Cet. 1. Jabatan Wakaf Zakat dan Haji: Jabatan Perdana Menteri.
- Khairani Binti Zakariya @ Abd Hamid. (2012). Kaedah Pembangunan Akhlak Remaja Menurut Imam al-Ghazali: Aplikasinya dalam Program Tarbiah Sekolah-Sekolah Menengah Aliran Agama Berasrama Di Negeri Kedah, Malaysia. *Jurnal Kajian Pendidikan ATIKAN*, 2 (1) Juni 2012, 79-94.
- Lembaga Zakat Selangor. (2013). *Info Zakat*. Edisi 1/2013. 9.
- Lembaga Zakat Selangor. (2010). *Laporan Pengurusan LZS Tahun 2010*.
- Lembaga Zakat Selangor. (2005). *Laporan Pengurusan LZS Tahun 2005*.
- Md. Said Haji Suleimen. (2002). *Buku Katan Kamus Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mila Sartika. (2008). Pengaruh Pendayagunaan Zakat Produktif terhadap Pemberdayaan Mustahiq pada LAZ Yayasan Solo Peduli Surakarta. *Jurnal Ekonomi Islam*. No. 1 Julai 2008.
- Miskawayh, Ahmad bin Muhammad. (1961). *Tahdhib al-Akhlaq*. Bayrut: Dar Maktabat al-Hayat.
- Miskawayh. Ahmad bin Muhammad. (1966). *Tahdhib al-Akhlaq*. C.K Zurayk (pnyt.) diterjemah oleh C.K Zurayk 1968. *The Refinement of Character*.

Mohd Abd Wahab Fatoni Bin Mohd Balwi, Ahmad Sufyan Bin Che Abdullah, Adibah Hasanah Binti Abd Halim dan Norhalyani Binti Mohamad. (2008). *Pembangunan Usahawan Asnaf Melalui Bantuan Dana dan Latihan Lembaga Zakat Selangor: Satu Sorotan. Kertas Kerja Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan*. Balai Ilmu Akademi Pengajian Islam. Anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. 15 Oktober 2008, 1-23.

Mohd Nakhaie Ahmad. (1998). *Di Bawah Naungan Islam*. Cet 1. Kuala Lumpur: Institut Muamalat Islam Malaysia.

Mohd Safri Mahat. (2004). *Formula J.I.W.A Basmi Kemiskinan*. Asnaf, Edisi Khas 2004, 12-13.

Mohamad Shatar Sabran. (2005). *Tujuh Rahsia Kecemerlangan Akademik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.

Mostafa Kamal Mokhtar. (2009). *Pembangunan Rohani Menurut Perspektif Tasawuf Dan Psikologi Moden*. Dlm. Khaidzir Ismail. *Psikologi Islam: Falsafah, Teori Dan Aplikasi*. Kuala Lumpur: iBook Publication Sdn Bhd.

Mostafa Kamal Mokhtar. (2003). *Pembangunan Rohani Menurut Perspektif Tasawuf dan Psikologi Moden*. *Islamiyyat* 24(2003). 21-23.

Mostafa Kamal Mokhtar. (2000). *Pembangunan Generik: Permasalahan Ontologi Epistemologi Dan Metodologi*. Dlm. Misran Rokimin, James Francis Ongkili, Azmi Aziz (Eds.). *Falsafah Dan Peradaban Pembangunan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mujaini Tarimin. (2005). *Golongan Penerima Zakat: Agihan Dana Zakat Secara Lebih Berkesan*. Shah Alam: UPENA.

Muhammad Syukri Salleh. (2002). *Pembangunan Berteraskan Islam (Islamic-Centred Development)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Noresah Baharom. (2005). *Kamus Dewan*. Ed.Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1521.

- Pahrol Mohamad Juoi. (2013). *Semuanya Soal Hati*. Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn.Bhd.
- Patmawati Bte Haji Ibrahim. (2007). *Peranan Agihan Zakat Dalam Meningkatkan Tahap Ekonomi Ummah*. Kertas Kerja Konvensyen Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan 2007. PWTC, Kuala Lumpur. 23 Mei 2007.
- Revell, Lynn. (2008). *Spiritual Development In Public And Religious Schools : A Case Study*. *Religious Education*,103. 102-118.
- Rohana Hamzah, Kamarudzaman Md Isa & Roziah Mohd.Janor. (2010). *Spiritual Education Development Model*. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(2), 2010-1-12.
- Rohana Hamzah, Sarimah Ismail dan Nur Qistina Abdullah. (2008). *Pembangunan Modal Insan Melalui Pendekatan Pembangunan Ilmu Bersepadu*. Dlm Yusof Boon, Mohd Safarin Nordin, Muhammad Sukri Saud & Sarimah Ismail (pnyt.). *ICT dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional*. (hlm.1-10). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Rosihan Anwar dan Mukhtar Solihin. (2000). *Ilmu Tasawuf*. Bandung: CV. Pustaka Setia.
- Sabri Mat Nor. (2004, Mei). *Asnaf*, 14.
- Salasiah Hanin Hamjah, Fariza Md.Sham, Siti Norlina Muhamad, A'dawiyah Ismail, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Rozmi Ismail & Intan Farhana Saparudin. (2014). *Pendekatan Spiritual dalam Menangani Histeria*. *Sains Humanika* 2:1(2014). Skudai: UTM. 71-76.
- Salasiah Hanin Hamjah, Ermy Azziaty Rozali, Rosmawati Mohamad Rasit & Zainab Ismail. (2012). *Perkaitan Amalan Spiritual Dengan Pencapaian Akademik Pelajar*. *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education (AJTLHE)*. Vol 4, No.2. 51-60.
- Salasiah Hanin Hamjah. (2010). *Bimbingan Spiritual Menurut Al-Ghazali Dan Hubungannya Dengan Keberkesanan Kaunseling: Satu Kajian Di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (PK MAINS)*. *Islamiyyat* 32 (2010). 41-61.
- Salasiah Binti Hanin Hamjah. (2008). *Pendekatan Da'wah Al-Irsyad Al-Nafsiyy Menurut Al-Ghazali: Satu Kajian di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan*. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan

Said Hawwa. (1998). *Al-Mustakhlash fi Tazkiyatul Anfus: Nazariyyah Mutakamilah fi Tazkiyatun Nufus*. Cet.11. Kairo: Darus Salam.

Said Hawwa. (1999). *Tarbiyyatuna al-Ruhiyyah*. Cet. 6. Kaherah: Darus Salam.

Samsul Munir Amin. (2005). *Kamus Ilmu Tasawuf*. Yogyakarta: AMZAH.

Sayyid Sabiq. (1991). *Akidah Islam, Pola Hidup Manusia Beriman*. Terj.M.Abdai Rathomy. Singapura: Pustaka Nasional Pte.Ltd.

Shamsudin Osman. (2008). *Akademi Zakat Selangor Cabang Lahir Asnaf Cemerlang*. Dalam Noormala Mohd Sa'ad (pnyt.). *Asnaf*, Bil.1/2008. 10-11.

Sheikh Abdullah Basmeih. (1992). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.

Yuseri Ahmad, Sapora Sipon & Marina Munira Abdul Talib. (2008). *Peranan Kerohanian Dalam Menangani Gejala Dadah*. *Jurnal AntiDadah Malaysia*. Jld 1, No 2 (Disember),137-154. Diakses pada 26 April 2013 daripada <http://www.adk.gov.my/html/pdf/jurnal/2007/2-9.pdf>.

Yusnita Simbolan. (t.th). *Kecerdasan Spiritual dalam Perspektif Islam*. Diakses pada 26 April 2013 daripada <file:///D:/Kecerdasan-Spiritual-Dalam-Perspektif-Agama-Islam.htm>.

Zakaria Bahari. (2011). *Transformasi Fakir Miskin Daripada Penerima Zakat Saradiri Kepada Penerima Zakat Produktif*. Dlm Muhammad Syukri Salleh, Mohamad Salleh Abdullah dan Zahri Hamat (pnyt.). *Transformasi Zakat Daripada Zakat Saradiri Kepada Zakat Produktif*. (hlm.331-364). Pusat Urus Zakat, MAINPP dan Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Zakaria Bahari dan Zahri Hamat. (2008). *Dari Penerima Kepada Pembayar Zakat: Satu Tinjauan Ke Atas Gerak Asnaf di Pusat Urus Zakat Pulau Pinang*. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke III (PERKEMIII), Daya Tahan Ekonomi Negara: Dasar dan Strategi Pengukuhan*, Port Dickson, Negeri Sembilan. Jld.1.(hlm. 89-98). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

<http://www.e-zakat.com.my/program-asnaf/>. Diakses pada 13 November 2013.